



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ELAUN PERTANIAN

KETETAPAN UMUM NO. 1/2016

TARIKH PENERBITAN: 20 JANUARI 2016



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2016 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Perbelanjaan Pertanian yang Layak	2
6. Kadar Elaun Pertanian	8
7. Pembahagian Elaun Pertanian Apabila Aset Dijual atau Dipindahkan	10
8. Kenaan Pertanian	14
9. Pilihan untuk Mengagihkan Kenaan Pertanian	20
10. Lampiran 1 – Ringkasan Perbelanjaan Pertanian yang Layak	21

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan -

- (a) jenis perbelanjaan pertanian yang layak;
- (b) pengiraan elaun pertanian;
- (c) pengiraan kenaan pertanian; dan
- (d) layanan cukai bagi penerimaan geran atau subsidi.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 18 dan perenggan 34(6)(d), perenggan 7, 18, 20 hingga 25, 27, 33, 38, 39, 40, 49, 52, 55, 75 dan 81, proviso kepada subperenggan 42(1), subperenggan 42(2), 63(e) dan 65(2) Jadual 3.
- 2.3 Perundangan subsidiari relevan yang dirujuk dalam KU ini adalah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 [P.U.(A) 207/2006].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Kawalan" mempunyai maksud yang sama seperti yang didefinisikan dalam subperenggan 38(2) Jadual 3 kepada ACP;
- 3.2 "Kebun" bermaksud mana-mana tanah yang digunakan bagi tujuan pertanian;
- 3.3 "Kepentingan relevan" bermaksud hak seseorang kepada kepentingan dalam bangunan atau struktur apabila dia melakukan perbelanjaan ke atasnya;
- 3.4 "Pelupusan aset kebun" bermaksud apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:
 - (a) kepentingan relevan dalam aset tersebut dijual;
 - (b) apabila tempoh suatu pajakan tamat dan kepentingan relevan adalah pegangan pajakan, dan penerima pajakan yang baharu atau tuan punya kepentingan itu dalam perkembalian serta merta membuat bayaran kepada orang yang telah melakukan perbelanjaan pertanian yang layak;
 - (c) aset itu dipindahkan untuk suatu balasan yang bernilai; atau

(d) aset itu berhenti digunakan bagi tujuan mengerjakan sebuah kebun;

3.5 “Penanaman semula” bermaksud penggantian tanaman mana-mana produk atas mana-mana kawasan tanah dengan mengambil tindakan yang terhitung untuk menghasilkan suatu tanaman bagi produk yang sama atas kawasan yang sama dan termasuk penghutan semula;

3.6 “Pertanian” bermaksud apa-apa bentuk penanaman tanaman, penternakan haiwan, akuakultur, perikanan air tawar dan apa-apa pertanian yang lain atau pengembalaan termasuk penghutan semula balak;

3.7 “Tanaman” termasuk mana-mana jenis hasil sayuran.

4. Pengenalan

Seseorang yang telah melakukan perbelanjaan pertanian yang layak untuk tujuan perniagaannya adalah layak untuk menuntut elaun pertanian yang boleh ditolak daripada pendapatan larasan perniagaan itu bagi mengira pendapatan berkanun. Perniagaan dalam KU ini merujuk kepada perniagaan pertanian.

5. Perbelanjaan Pertanian yang Layak

5.1 Jenis perbelanjaan pertanian yang layak

Perbelanjaan pertanian yang layak adalah perbelanjaan modal yang dilakukan oleh seseorang atas –

(a) pembersihan dan penyediaan tanah bagi tujuan pertanian. Jika tanaman ditanam atas tanah yang berbukit-bukau dan terdapat keperluan untuk membuat teres di lereng bukit itu bagi mengatasi masalah hakisan dan menyediakan akses mudah untuk pekerja ladang, perbelanjaan tersebut adalah dianggap sebagai perbelanjaan pertanian yang layak;

(b) penanaman (bukan penanaman semula) tanaman atas tanah yang telah dibersihkan untuk penanaman;

(c) pembinaan jalan atau jambatan dalam kebun. Perbelanjaan atas pembinaan parit juga layak sebagai perbelanjaan pertanian yang layak;

(d) pembinaan suatu bangunan dalam kebun yang bertujuan untuk digunakan dalam perniagaan orang itu yang terdiri daripada mengerjakan kebun secara sepenuhnya atau sebahagian. Jenis-jenis bangunan termasuk bangunan pejabat ladang, kilang-kilang dan gudang; dan

(e) pembinaan bangunan dalam kebun oleh orang itu untuk kebajikan orang atau sebagai tempat kediaman untuk seseorang, yang digaji atau berkaitan dengan pengerjaan kebun itu. Jika kebun itu berhenti dikerjakan, nilai bangunan itu berkemungkinan adalah kecil atau tiada

nilai kepada mana-mana orang melainkan jika ia adalah berkaitan dengan pengerjaan kebun yang lain. Jenis bangunan termasuklah tempat kediaman pekerja, rumah ibadat dan dewan masyarakat.

Nota

Seseorang boleh membuat pilihan di bawah proviso kepada subperenggan 42(1) Jadual 3 kepada ACP untuk menganggap suatu bangunan sebagai bangunan industri. Pilihan ini boleh dibuat jika bangunan itu disediakan bagi kebajikan orang atau sebagai tempat kediaman untuk seseorang, yang digaji untuk bekerja di sebuah kebun atau berkaitan dengan pengerjaan kebun itu. Sekiranya kebun itu berhenti dikerjakan, nilai bangunan itu berkemungkinan adalah kecil atau tiada nilai kepada mana-mana orang melainkan jika ia adalah berkaitan dengan pengerjaan kebun yang lain. Pilihan menuntut elaun bangunan industri (EBI) perlu dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang di dalamnya perbelanjaan ke atas bangunan dilakukan.

Walau bagaimanapun, menurut subperenggan 42(2) Jadual 3 kepada ACP, jika bangunan telah diperuntukkan kepada seorang pekerja yang merupakan seorang pengarah, seorang individu yang mempunyai kawalan ke atas perniagaan atau seorang individu yang merupakan seorang ahli pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian perniagaan tersebut, bangunan itu tidak layak untuk EBI.

Contoh 1

Golden Pine Sdn Bhd membeli sebidang tanah untuk penanaman nenas. Syarikat tersebut telah melakukan perbelanjaan berikut:

- (a) pembersihan dan penyediaan tanah;
- (b) penanaman benih; dan
- (c) pembinaan tempat kediaman pekerja.

Golden Pine Sdn Bhd layak menuntut elaun pertanian ke atas perbelanjaan di atas.

Contoh 2

Sunny Plantation Bhd mempunyai dua ladang kelapa sawit. Ladang A adalah bertempat di Sibul dan Ladang B adalah di Miri. Ladang-ladang itu diusahakan secara berperingkat seperti berikut:

- (a) Ladang A (Sibu):

- (i) Fasa 1 telah menghasilkan buah selama tiga tahun;
- (ii) Fasa 2 adalah di peringkat awal menghasilkan buah; dan
- (iii) Fasa 3 adalah di peringkat akhir penanaman.

(b) Ladang B (Miri):

Di peringkat awal penanaman.

Syarikat tersebut mempunyai sebuah kilang di Sibu untuk memproses buah tandan segar (BTS) kepada minyak sawit mentah (MSM) dan isirong sawit (IS) sebelum menjual kepada pihak ketiga. Oleh kerana ladang tidak dalam tahap pengeluaran sepenuhnya lagi, syarikat mempunyai lebih kapasiti di kilangnya. Oleh itu, syarikat telah membeli kira-kira 50% BTSnya dari pekebun kecil dan ladang-ladang yang lain untuk diproses kepada MSM dan IS. Punca pendapatan utama yang dilaporkan dalam akaun adalah daripada jualan MSM dan IS. Syarikat tersebut telah menuntut elaun pertanian berkaitan dengan kos yang dilakukan ke atas pembangunan tanah dan pembinaan jalan di Ladang B.

Walaupun syarikat tersebut menjalankan aktiviti mengerjakan ladang kelapa sawit dan pemrosesan BTS, kedua-dua aktiviti tersebut disifatkan sebagai suatu **aktiviti pertanian bersepadu** dan merupakan satu punca perniagaan. Syarikat tersebut layak menuntut elaun pertanian ditolak daripada pendapatan larian dari jualan MSM dan IS.

Contoh 3

Pekerja ladang ditempatkan dalam sebuah bangunan yang dibina atas sebidang tanah milik Bestco Enterprise di sebuah bandar berhampiran dengan ladang kelapa sawitnya.

Oleh kerana bangunan yang dibina terletak di bandar dan akan mempunyai nilai yang tinggi jika ladang berhenti dikerjakan, maka Bestco Enterprise tidak layak untuk elaun pertanian berkenaan dengan bangunan tersebut kerana perbelanjaan yang dilakukan ke atas pembinaan bangunan itu tidak layak sebagai perbelanjaan pertanian yang layak.

5.2 Penanaman baharu

Perbelanjaan yang dilakukan ke atas –

- (a) penanaman tanaman baharu mana-mana produk; atau
- (b) penggantian tanaman lama dengan tanaman daripada produk yang berbeza

adalah berkaitan dengan penanaman baharu dan dianggap sebagai perbelanjaan pertanian yang layak.

Contoh 4

Sebuah syarikat memberhentikan penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran organik di kebunnya dan menggantikan tanaman tersebut dengan pokok kayu balak.

Perbelanjaan yang dilakukan adalah berkaitan dengan penanaman baharu dan syarikat layak mendapat elaun pertanian.

Contoh 5

Sebuah syarikat perladangan menggantikan pokok-pokok getah tua dengan pokok kelapa sawit disebabkan kemerosotan keuntungan.

Perbelanjaan yang dilakukan ke atas penggantian pokok getah dengan pokok kelapa sawit adalah berkaitan dengan penanaman baharu dan syarikat layak untuk elaun pertanian.

5.3 Perbelanjaan pertanian yang tidak layak

(a) Kos tanah

Contoh 6

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1.

Kos memperolehi tanah untuk perladangan bukanlah perbelanjaan pertanian yang layak.

(b) Kos loji dan jentera yang digunakan di kebun. Walau bagaimanapun, elaun modal adalah terpakai kepada loji dan jentera.

Contoh 7

Sebuah syarikat yang terlibat dalam akuakultur telah membuka kebun penternakan ikan di kawasan luar bandar di mana tidak terdapat bekalan elektrik. Syarikat telah melabur sejumlah besar bagi memasang sistem pendawaian dan tiang elektrik sebelum membuat permohonan kepada Tenaga Nasional Bhd untuk sambungan ke sumber jana elektrik terdekat yang sedia ada. Elektrik telah digunakan untuk menjalankan alat pengudaraan untuk kolam dan untuk kegunaan rumah kediaman di kebun.

Syarikat tidak layak untuk elaun pertanian memandangkan perbelanjaan yang dilakukan untuk memasang sistem elektrik bagi bekalan elektrik di kebunnya bukan perbelanjaan pertanian yang layak.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan tersebut adalah layak untuk elaun modal sekiranya ia memenuhi ujian fungsi loji dan jentera. KU No. 12/2014 bertajuk "Loji dan Jentera yang Layak bagi Tuntutan Elaun Modal" boleh dirujuk untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- (c) Aktiviti yang tidak layak

Contoh 8

Sebuah syarikat yang terkenal dengan pengurusan dan amalan kerja yang baik dalam menghasilkan benih kelapa sawit berkualiti tinggi memiliki beberapa tapak semaian kelapa sawit di Malaysia. Syarikat melakukan perbelanjaan pembangunan tanah dan menuntut elaun pertanian.

Syarikat tidak layak untuk elaun pertanian memandangkan tapak semaian tidak dianggap sebagai sebuah kebun atau ladang untuk tujuan elaun pertanian.

Contoh 9

Syarikat Landskap Madura terlibat dalam hortikultur pada tahun 2015 dan mempunyai kebun yang ditanam dengan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan berbunga dan hiasan. Syarikat tersebut telah membeli sebuah kontena untuk digunakan sebagai tempat kediaman bagi pekerja yang digaji untuk bekerja di kebun. Syarikat menuntut elaun pertanian ke atas penanaman dan kontena tersebut.

Syarikat Landskap Madura tidak layak untuk elaun pertanian memandangkan tumbuh-tumbuhan berbunga dan hiasan tidak terjatuh di bawah takrifan tanaman. Walau bagaimanapun, syarikat boleh menuntut kos tumbuh-tumbuhan berbunga dan hiasan tersebut sebagai perbelanjaan hasil (kos stok) di bawah subseksyen 33(1) ACP.

5.4 Tarikh perbelanjaan pertanian yang layak dilakukan

Perbelanjaan yang layak dilakukan pada tarikh perbelanjaan menjadi kena dibayar. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas sebuah bangunan yang dibina adalah disifatkan dilakukan pada tarikh bangunan siap dibina.

5.5 Perbelanjaan pertanian yang layak ditentukan oleh Menteri

Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menetapkan apa-apa perbelanjaan modal yang dilakukan sebagai perbelanjaan pertanian yang layak dan menentukan kadar elaun berkenaan dengan perbelanjaan tersebut.

5.6 Kelayakan menuntut elaun pertanian

Seseorang yang telah melakukan perbelanjaan pertanian yang layak berhubung dengan suatu aset dan perniagaannya adalah berhak untuk menuntut elaun pertanian bagi suatu tahun taksiran jika dia adalah tuan punya aset pada akhir tempoh asas dan aset itu digunakan dalam perniagaan kebun atau ladang.

5.7 Ketidapkakaian elaun selain daripada elaun pertanian

Seseorang yang berhak menuntut elaun pertanian berkenaan dengan perbelanjaan pertanian yang layak tidak layak untuk elaun lain di bawah ACP atas perbelanjaan yang sama.

5.8 Perbelanjaan penanaman semula

(a) Suatu potongan boleh dibenarkan di bawah perenggan 34(6)(d) ACP untuk perbelanjaan penanaman semula yang dilakukan berhubung dengan penggantian suatu tanaman dengan suatu tanaman daripada produk yang sama termasuk:

- (i) apa-apa perbelanjaan atas kerja-kerja peningkatan yang dijalankan di kebun berkaitan penanaman semula tersebut (contohnya tempat perlindungan plastik dan pengairan titisan untuk meningkatkan hasil tanaman dan kualiti); dan
- (ii) perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan penghutanan semula balak (contohnya pembinaan pagar supaya pucuk tunggul dan anak benih yang tumbuh semula secara semula jadi tidak dimakan oleh binatang).

Contoh 10

Sebuah ladang getah telah musnah dalam kebakaran dan syarikat perladangan getah menanam semula pokok getah baharu sebagai penggantian.

Syarikat ladang getah layak untuk potongan di bawah perenggan 34(6)(d) ACP kerana ia telah melakukan perbelanjaan penanaman semula berhubung dengan penanaman semula pokok getah.

- (b) Bagi kes sayur-sayuran yang telah digantikan selepas satu atau lebih tuaian dan mempunyai jangka hayat yang singkat jika dibandingkan dengan buah-buahan atau tanaman lain, penggantian sayur-sayuran dengan sayur-sayuran daripada jenis yang berlainan boleh dianggap sebagai penanaman semula bagi maksud perenggan 34(6)(d) ACP.

Contoh 11

Sebuah syarikat yang terlibat dalam penanaman sayur-sayuran menggantikan tanaman timun selepas tuaian dengan tanaman terung.

Syarikat itu layak mendapat potongan bagi penanaman semula sayur-sayuran.

6. Kadar Elaun Pertanian

Kadar elaun pertanian bergantung kepada jenis perbelanjaan yang dilakukan.

Kadar elaun pertanian bagi pembinaan bangunan dalam kebun bagi tujuan kebajikan atau sebagai tempat kediaman orang yang digaji untuk mengerjakan kebun tersebut, dan pembinaan mana-mana bangunan lain adalah masing-masing sebanyak 20% dan 10%, sebagaimana diperuntukkan dalam subperenggan 22(a) dan (b) Jadual 3 kepada ACP.

Manakala kadar elaun pertanian bagi perbelanjaan pertanian yang layak yang lain seperti pembersihan dan penyediaan tanah bagi tujuan pertanian, penanaman tanaman atas tanah yang telah dibersihkan untuk penanaman, dan pembinaan jalan atau jambatan dalam kebun adalah sebanyak 50%, sebagaimana diperuntukkan dalam perenggan 23 Jadual 3 kepada ACP.

Kadar elaun pertanian diringkaskan dalam jadual berikut:

Perbelanjaan Pertanian yang Layak	Kadar Elaun
Pembersihan dan penyediaan tanah bagi tujuan pertanian	50%
Penanaman tanaman atas tanah yang telah dibersihkan untuk penanaman	50%
Pembinaan jalan atau jambatan dalam kebun	50%
Pembinaan bangunan dalam kebun bagi tujuan kebajikan atau sebagai tempat kediaman orang yang digaji untuk mengerjakan kebun tersebut	20%
Pembinaan mana-mana bangunan lain	10%

Contoh 12

Aktiviti perniagaan Bestco Enterprise terdiri daripada perdagangan komoditi dan mengerjakan ladang getah. Syarikat telah memutuskan untuk menggantikan pokok getah tua dengan pokok kelapa sawit kerana permintaan yang baik bagi minyak kelapa sawit. Akhir tahun perakaunan bagi Bestco Enterprise adalah 31 Disember. Syarikat tersebut melakukan perbelanjaan berikut:

Tarikh	Jenis Perbelanjaan	Kos yang Dilakukan (RM)
03.1.2015	Pembersihan tanah	160,000
20.4.2015	Jalan	60,000
28.6.2015	Tempat kediaman pekerja	200,000
10.10.2015	Penanaman pokok kelapa sawit	100,000
14.2.2016	Bangunan pejabat merangkap stor	150,000

Pengiraan elaun pertanian bagi Bestco Enterprise adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Pembersihan Tanah (50%) RM160,000	Jalan (50%) RM60,000	Tempat Kediaman Pekerja (20%) RM200,000	Penanaman Pokok Kelapa Sawit (50%) RM100,000	Bangunan Pejabat Merangkap Stor (10%) RM150,000
2015	80,000	30,000	40,000	50,000	TIADA
2016	80,000	30,000	40,000	50,000	15,000
2017	TIADA	TIADA	40,000	TIADA	15,000
2018	TIADA	TIADA	40,000	TIADA	15,000
2019	TIADA	TIADA	40,000	TIADA	15,000
2020	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000
2021	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000
2022	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000
2023	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000
2024	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000
2025	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	15,000

7. Pembahagian Elaun Pertanian Apabila Aset Dijual atau Dipindahkan

Seseorang (pengalih) yang telah melakukan perbelanjaan pertanian yang layak ke atas suatu aset untuk tujuan perniagaannya boleh memindahkan atau mengalihkan aset tersebut melalui kuat kuasa undang-undang atau sebaliknya kepada seseorang yang lain (penerima). Frasa "melalui kuat kuasa undang-undang" bermakna suatu hak atau liabiliti telah wujud untuk suatu pihak disebabkan prinsip undang-undang yang sedia ada, tanpa mengira niat pihak itu.

7.1 Pengalih

- (a) Seorang pengalih yang telah memindahkan atau mengalihkan asetnya kepada penerima dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran mungkin berhak ke atas sebahagian elaun pertanian. Ini ditentukan dengan membahagikan elaun berdasarkan masa dari permulaan tempoh asas kepada tarikh pemindahan atau jualan di antara pengalih dan penerima.
- (b) Seorang pengalih tidak berhak untuk elaun pertanian jika aset itu tidak digunakan untuk perniagaannya dalam tempoh satu bulan (atau tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) sebelum pemindahan atau pengalihan berlaku.

7.2 Penerima


Pembeli (penerima) hanya berhak ke atas bahagian lain elaun pertanian yang telah dibahagikan bagi tahun taksiran dalam tempoh asas pemindahan atau pengalihan berlaku dan tahun-tahun taksiran berikutnya jika aset tersebut adalah:

- (a) suatu kebun yang digunakan oleh penerima bagi tujuan perniagaannya yang terdiri keseluruhan atau sebahagiannya daripada pengerjaan kebun; atau
- (b) suatu bangunan yang digunakan oleh penerima bagi tujuan perniagaannya yang terletak bersebelahan atau berhampiran dengan kebun itu atau kebunnya yang lain.

Harga yang dibayar oleh penerima untuk perbelanjaan pertanian diabaikan bagi penentuan elaun pertanian.

Pembahagian elaun pertanian hanya terpakai di antara pengalih dan penerima bagi tahun taksiran yang sama. Dalam erti kata lain, jika pemindahan atau pengalihan sesuatu aset berlaku pada satu tarikh yang jatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang berbeza bagi kedua-dua pengalih dan penerima, hanya pengalih akan berhak untuk elaun pertanian yang dibahagikan yang dikira sehingga tarikh pemindahan atau penjualan aset tersebut. Baki elaun pertanian adalah diabaikan dan tidak boleh dituntut oleh sesiapa.

7.3 Ringkasan layanan cukai atas pelupusan



Contoh 13

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 dan pada tahun 2018 pemilik Bestco Enterprise memutuskan untuk menjual ladang bagi membiayai pendidikan anak-anaknya di luar negara. Dia mendapat tawaran yang baik daripada Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd yang bersempadan dengan Bestco Enterprise. Ladang itu dijual pada 6.9.2018. Bestco Enterprise berhak untuk menuntut sebahagian elaun pertanian berkenaan dengan tempat kediaman pekerja dan bangunan pejabat merangkap stor seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempat Kediaman Pekerja	Bangunan Pejabat merangkap Stor
2018	$RM40,000 \times \frac{249 \text{ hari}}{365 \text{ hari}}$ = RM27,288	$RM15,000 \times \frac{249 \text{ hari}}{365 \text{ hari}}$ = RM10,232

Penerima, Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd (tahun berakhir 31 Disember) berhak menuntut baki elaun pertanian bagi tahun taksiran 2018 memandangkan pemindahan atau pengalihan berlaku dalam tempoh asas yang sama.

Walau bagaimanapun, penerima hanya berhak ke atas baki elaun pertanian jika ladang digunakan untuk tujuan perniagaannya yang terdiri sepenuhnya atau sebahagiannya daripada pengerjaan ladang. Ia berhak untuk menuntut

elaun pertanian bagi tahun taksiran yang berikutnya sehingga perbelanjaan asal dituntut sepenuhnya.

Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd berhak untuk menuntut baki elaun pertanian berkenaan dengan tempat kediaman pekerja dan bangunan pejabat merangkap stor seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempat Kediaman Pekerja 5RM200,000	Bangunan Pejabat merangkap Stor RM150,000
2018	12,712	4,768
2019	40,000	15,000
2020	TIADA	15,000
2021	TIADA	15,000
2022	TIADA	15,000
2023	TIADA	15,000
2024	TIADA	15,000
2025	TIADA	15,000

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali ladang di bawah Bestco Enterprise tidak dikerjakan sejak Jun 2018 disebabkan kekurangan pekerja. Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd menggunakan ladang sebaik sahaja selepas pembelian pada 6.9.2018.

Tempat kediaman pekerja dan bangunan pejabat merangkap stor tidak digunakan oleh Bestco Enterprise dalam tempoh sebulan sebelum penjualan ladang pada 6.9.2018. Oleh itu, Bestco Enterprise tidak layak untuk elaun pertanian bagi tahun taksiran 2018.

Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd layak untuk elaun pertanian berkaitan tempat kediaman pekerja dan bangunan pejabat merangkap stor seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempat Kediaman Pekerja RM200,000	Bangunan Pejabat merangkap Stor RM150,000
2018	40,000	15,000
2019	40,000	15,000
2020	TIADA	15,000
2021	TIADA	15,000
2022	TIADA	15,000
2023	TIADA	15,000
2024	TIADA	15,000
2025	TIADA	15,000

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali tahun perakaunan Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd berakhir pada 31 Mac.

Tuntutan elaun pertanian Bestco Enterprise adalah sama seperti yang diterangkan dalam Contoh 13. Walau bagaimanapun, bagi Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd, pemindahan pada 6.9.2018 jatuh dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2019. Oleh itu, Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd adalah layak menuntut elaun pertanian dari tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran seterusnya seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tempat Kediaman Pekerja RM200,000	Bangunan Pejabat merangkap Stor RM150,000
2019	40,000	15,000
2020	TIADA	15,000
2021	TIADA	15,000
2022	TIADA	15,000
2023	TIADA	15,000
2024	TIADA	15,000
2025	TIADA	15,000

8. Kenaan Pertanian

8.1 Pelupusan aset kebun

Kenaan pertanian dikenakan ke atas seseorang yang melupuskan aset kebunnya dalam tempoh lima tahun dari tarikh melakukan perbelanjaan itu. Kenaan pertanian adalah sama dengan agregat semua elaun pertanian yang telah dibenarkan bagi semua tahun taksiran berkenaan.

Hasil daripada pelupusan sesuatu aset adalah tidak relevan dalam pengiraan kenaan pertanian.

Contoh 16

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 dan ladang dilupuskan kepada Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd pada 6.9.2018 untuk RM800,000. Kenaan pertanian sebanyak RM507,520 dikenakan ke atas Bestco Enterprise dan dikira seperti berikut:

Tahun Tak-siran	Pembersihan tanah (50%)		Jalan (50%)		Tempat Kediaman Pekerja (20%)		Penanaman pokok kelapa sawit (50%)		Bangunan Pejabat merangkap Stor (10%)	
	RM160,000		RM60,000		RM200,000		RM100,000		RM150,000	
	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan
2015	80,000	-	30,000	-	40,000	-	50,000	-	-	-
2016	80,000	-	30,000	-	40,000	-	50,000	-	15,000	
2017	-	-	-	-	40,000	-	-	-	15,000	
2018	-	160,000	-	60,000	27,288	147,288	-	100,000	10,232	40,232

Memandangkan tarikh pelupusan adalah dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perbelanjaan dilakukan, suatu kenaan pertanian bersamaan dengan agregat semua elaun yang telah dibenarkan kepadanya wujud bagi tahun taksiran 2018.

Contoh 17

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali ladang dilupuskan kepada Ahamad Oil Palm Plantation Sdn Bhd untuk RM800,000 pada 6.9.2021.

Dalam kes ini, tiada kenaan pertanian dikira berkenaan dengan pembersihan tanah, pembinaan jalan, tempat kediaman pekerja, penanaman pokok kelapa sawit dan bangunan pejabat merangkap stor memandangkan pelupusan aset tersebut berlaku lebih daripada lima tahun dari tarikh perbelanjaan.

8.2 Pemberian (Geran) atau bayaran lain oleh Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa berkanun

Perenggan 26 Jadual 3 kepada ACP telah dipotong oleh Akta Kewangan 2013, berkuat kuasa mulai 11.1.2013. Perenggan 26 sebelum ini antara lain memperuntukkan bahawa jika perniagaan seseorang terdiri kesemua atau sebahagiannya daripada pengerjaan ladang dan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran apa-apa jumlah menjadi kena dibayar kepadanya dalam tempoh itu, yang merupakan suatu pemberian (geran) atau pembayaran lain oleh Kerajaan, suatu Kerajaan Negeri atau suatu pihak berkuasa berkanun yang bertujuan untuk meringankan perbelanjaan modal yang dilakukan olehnya ke atas ladang itu, suatu kenaan pertanian bersamaan dengan jumlah itu hendaklah dibuat ke atas orang itu berkenaan dengan pengerjaan ladangnya.

Walau bagaimanapun, Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) 2006 [P.U.(A) 207/2006] yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006 mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang berhubungan dengan suatu pemberian (geran) atau suatu subsidi.

Dengan pemotongan perenggan 26 Jadual 3 kepada ACP, tiada kenaan pertanian akan dibuat ke atas orang itu berkenaan dengan pemberian (geran) atau subsidi itu.

Subsidi atau bayaran lain dalam bentuk modal atau pemberian (geran) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi tujuan mengurangkan beban perbelanjaan modal dalam menjalankan aktiviti pertanian atau perladangan akan diberi layanan cukai berikut:

- (a) pemberian (geran) yang diterima tidak dikenakan cukai; dan
- (b) perbelanjaan yang dibiayai daripada pemberian (geran) tidak layak untuk apa-apa potongan cukai atau apa-apa elaun di bawah Jadual 3 kepada ACP.

Maklumat lanjut boleh diperoleh daripada laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di bawah Garis Panduan Teknikal bertajuk **Garis panduan Berkaitan Pengecualian Cukai Ke Atas Pemberian Atau Subsidi (Grant) Dan Pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun** bertarikh 26.1.2010.

8.3 Pelupusan aset selepas perniagaan tamat

Jika sesuatu aset dilupuskan oleh seseorang selepas akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana perniagaannya telah berhenti selama-lamanya, pelupusan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dalam tempoh asas perniagaan berhenti.

Contoh 18

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali Bestco Enterprise berhenti mengerjakan ladang pada bulan November 2020 sebelum pelupusan pada 6.9.2021. Elaun dan kenaan pertanian dikira seperti berikut:

Tahun Taksiran	Bangunan Pejabat merangkap Stor (10%) RM150,000	
	Elaun	Kenaan
2015	TIADA	TIADA
2016	15,000	TIADA
2017	15,000	TIADA
2018	15,000	TIADA
2019	15,000	TIADA
2020	TIADA	60,000

Oleh sebab Bestco Enterprise berhenti selama-lamanya mengerjakan ladang pada bulan November 2020 sebelum tarikh pelupusan pada 6.9.2021, pelupusan ladang tersebut dianggap telah dibuat dalam tempoh asas perniagaan tamat. Kenaan pertanian akan dibuat bagi tahun taksiran 2020 berkenaan dengan bangunan pejabat merangkap stor kerana aset tersebut telah dilupuskan dalam tempoh lima tahun dari tarikh perbelanjaan yang layak dilakukan ke atas aset ini.

8.4 Perobohan bangunan

Perobohan bangunan tidak merupakan pelupusan. Oleh itu, tiada kenaan pertanian wujud bagi perobohan bangunan.

8.5 Pemindahan kawalan

- (a) Peruntukan pemindahan kawalan akan terpakai jika –
- (i) seseorang yang melupuskan atau memindahkan sesuatu aset telah mendapat elaun pertanian atau sepatutnya telah mendapatnya. Pemindah atau pengalih mesti menjalankan suatu perniagaan;
 - (ii) salah satu daripada keadaan kawalan berikut dalam perenggan 38(1) Jadual 3 ACP wujud pada masa pelupusan atau pemindahan:
 - (A) pemindah atau pengalih aset tersebut adalah orang yang mana penerima aset tersebut mempunyai kawalan;
 - (B) penerima aset tersebut adalah orang yang mana pemindah atau pengalih tersebut mempunyai kawalan;
 - (C) orang lain mempunyai kawalan ke atas pemindah atau pengalih dan penerima aset tersebut (kawalan bersama);
 - (D) pelupusan dilaksanakan akibat daripada satu skim pembinaan semula atau penggabungan syarikat-syarikat; atau
 - (E) pelupusan dilaksanakan dengan cara penyelesaian atau hadiah melalui pembahagian harta yang merupakan aset tersebut selepas kematian seseorang.
 - (iii) penerima menggunakan aset tersebut dalam suatu perniagaan dan layak untuk elaun pertanian.
- (b) Pelupusan yang tertakluk kepada pemindahan kawalan adalah dianggap telah berlaku pada hari pertama tempoh akhir pemindah atau pengalih. Nilai aset tersebut pada tarikh pelupusan iaitu nilai pelupusan, adalah perbelanjaan bakian aset pada hari pertama tempoh akhir pemindah atau pengalih.
- Tempoh akhir pemindah atau pengalih adalah tempoh asas (berhubung dengan perniagaan yang menggunakan dan melakukan perbelanjaan layak atas aset) bagi tahun taksiran yang merupakan tahun taksiran pertama penerima layak untuk elaun pertanian jika aset tersebut telah digunakan untuk tujuan perniagaan penerima.
- (c) Bagi pemindahan kawalan yang melibatkan elaun pertanian, perbelanjaan bakian adalah perbelanjaan yang layak dilakukan oleh pemindah atau pengalih ditolak dengan apa-apa elaun pertanian yang diberikan kepadanya. Perbelanjaan pertanian yang layak bagi penerima adalah sama dengan perbelanjaan bakian aset tersebut.

Contoh 19

Syarikat A (tahun berakhir 31 Disember) adalah dalam perniagaan penternakan ayam dan pada 1.12.2010 telah membeli sebidang tanah dengan kos RM1.5 juta. Syarikat membina 10 reban, jalan, tempat kediaman untuk pekerja, stor, jambatan dan mendirikan pagar di keliling tanah pada tahun 2011 dan 2012 dengan kos sebanyak RM1.2 juta. Syarikat menuntut elaun pertanian bagi tahun taksiran 2011 bagi perbelanjaan pertanian yang layak atas kos pembinaan jalan, jambatan, stor dan tempat kediaman pekerja. Elaun modal telah dituntut untuk kos reban dan pagar bagi tahun taksiran 2012. Pada 1.6.2014 aset tersebut di atas (tidak termasuk tanah) telah dilupus kepada Syarikat B (tahun berakhir 31 Disember) yang mempunyai 60% pemegang saham dalam Syarikat A. Kedua-dua Syarikat A dan B terlibat dalam perniagaan penternakan ayam. Syarikat A telah menamatkan perniagaannya selepas pelupusan aset.

Pelupusan aset di antara Syarikat A dan B dianggap sebagai jualan kawalan memandangkan penerima, Syarikat B mempunyai kawalan ke atas pemindah atau pengalih, Syarikat A. Oleh itu, kenaan pertanian di bawah perenggan 27 Jadual 3 kepada ACP tidak terpakai kepada Syarikat A. Tarikh pelupusan atau pemindahan aset tersebut adalah hari pertama tempoh akhir pemindah atau pengalih. Tempoh akhir bagi Syarikat A adalah 1.1.2014 ke 31.12.2014. Oleh itu tarikh pelupusan atau pemindahan adalah dianggap telah berlaku pada 1.1.2014.

Elaun pertanian yang dituntut oleh Syarikat A adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan dan Jambatan (50%) RM160,000		Tempat Kediaman Pekerja (20%) RM100,000		Stor (10%) RM200,000	
	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan	Elaun	Kenaan
2011	80,000	-	20,000	-	20,000	-
2012	80,000	-	20,000	-	20,000	-
2013	-	-	20,000	-	20,000	-
2014	-	-	-	-	-	-

Tiada kenaan pertanian wujud untuk Syarikat A di bawah pelupusan kawalan.

Baki elaun pertanian yang boleh dituntut oleh Syarikat B adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Jalan dan Jambatan (50%)	Tempat Kediaman Pekerja (20%)	Stor (20%)
	RM160,000	RM100,000	RM100,000
	Elaun	Elaun	Elaun
2014	-	20,000	20,000
2015	-	20,000	20,000
2016	-	-	20,000
2017	-	-	20,000
2018	-	-	20,000
2019	-	-	20,000
2020	-	-	20,000

9. **Pilihan untuk Mengagihkan Kenaan Pertanian**

Seseorang yang telah melupuskan suatu kebun boleh memilih agar amaun kenaan pertanian dibahagikan secara sama rata ke atas semua tahun taksiran yang mana elaun tersebut diberikan.

Contoh 20

Fakta adalah sama seperti di Contoh 16 kecuali Bestco Enterprise memilih agar kenaan pertanian dibahagikan ke atas semua tahun taksiran yang mana elaun pertanian telah diberikan. Pengiraan elaun dan kenaan pertanian adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Pembersihan Tanah (50%)		Jalan (50%)		Tempat Kediaman Pekerja (20%)		Penanaman Pokok Kelapa Sawit (50%)		Bangunan Pejabat merangkap Stor (10%)	
	RM160,000		RM60,000		RM200,000		RM100,000		RM150,000	
	Elauan	Kenaan	Elauan	Kenaan	Elauan	Kenaan	Elauan	Kenaan	Elauan	Kenaan
2015	80,000	80,000	30,000	30,000	40,000	36,822	50,000	50,000	-	-
2016	80,000	80,000	30,000	30,000	40,000	36,822	50,000	50,000	15,000	13,411
2017	-	-	-	-	40,000	36,822	-	-	15,000	13,411
2018	-	-	-	-	27,288	36,822	-	-	10,232	13,410

Bestco Enterprise hendaklah memaklumkan kepada LHDNM bahawa pilihan telah dibuat dan mengemukakan pindaan kepada pengiraan cukai (taksiran tambahan untuk tahun taksiran 2015 hingga 2017) ke pejabat cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukainya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Lampiran 1

Ringkasan Perbelanjaan Pertanian yang Layak

